

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Penjajahan Portugis dan Sepanyol ke atas Asia Tenggara: Satu Pengamatan Semula* oleh Maruwiyah Ahmat. 2006. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan: Karisma Publications Sdn. Bhd. 203 hlm. Ulasan oleh Badlihsam Mohd Nasir.

Sejarah penjajahan Portugis dan Sepanyol telah banyak ditulis oleh para sejarawan di Negara ini. Hasil tulisan mereka telah menjadi bacaan teks kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pembelajaran di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Sesuai dengan tajuk buku ini iaitu yang memberi fokus kepada Satu Pengamatan Semula, penulis berusaha untuk mendedahkan tentang wujudnya fakta utama iaitu faktor yang dominan dalam mendorong kedatangan mereka ke Nusantara. Pengamatan semula ini digarap melalui tindakan menghubungkan sejarah awal kedua-dua penjajah berkenaan dengan era penjajahan dan penaklukan. Melalui maklumat latarbelakang yang digali dari sumber asli seperti Perjanjian Tordesillas 1494 yang ditandatangani oleh Portugis dan Sepanyol, penulis berusaha mengenalpasti sebab dan punca utama kedatangan mereka ke Alam Melayu. Buku ini mengemukakan secara jelas bahawa agama adalah merupakan faktor paling utama di mana mereka cuba membebaskan diri dari pemerintahan Islam dan kemudiannya membalas dendam melalui gerakan penghapusan Islam di Eropah, Utara Afrika dan Semenanjung Tanah Arab. Kegagalan mereka menguasai Utara Afrika dan Semenanjung Tanah Arab mendorong mereka ke Asia Tenggara tetapi tetap membawa misi yang sama. Ringkasnya, buku ini cuba membaiki perspektif yang silap dalam mencari punca sebenar kedatangan penjajah Portugis dan Sepanyol ke Alam Melayu dengan kaedah penilaian semula berdasarkan data-data sejarah berautoriti walaupun terpaksa menyanggah beberapa pandangan yang telah dianggap besar dan "establish" dalam pensejarahan kedatangan Barat ke Nusantara.

Di dalam membincangkan tentang persoalan penjajahan, bab pertama menghuraikan dengan agak lengkap apa yang dimaksudkan dengan etimologi dan kerajaan-kerajaan era penjajahan. Penjajahan dirujuk oleh penulis sebagai berasal dari kata "jajah" yang bermaksud pergi dari satu tempat ke tempat lain, tawan, menjajah, menakluki dan memerintah sesuatu daerah; menakluki atau menguasai. Istilah yang paling hampir dengan istilah penjajahan ialah penaklukan yang bererti penundukan, perampasan, penawanan; pemerintahan, penguasaan dan pendudukan. Penjajahan adalah perakuan mendapatkan kuasa melalui paksaan yang bertujuan untuk mendapatkan kuasa politik, ekonomi dan agama. Oleh itu, penjajahan atau penaklukan adalah suatu pemaksaan oleh sebuah negara yang kuat ke atas negara yang lemah bagi tujuan penguasaan sepenuhnya terhadap sistem yang ada di sesebuah Negara. Huraian ringkas

mengenai pengertian penjajahan ini dijelaskan lagi melalui contoh-contoh kolonialisme yang berlaku di Afrika, Amerika dan Asia. Penulis seterusnya menghuraikan latarbelakang kerajaan-kerajaan yang wujud ketika era penjajahan khususnya Islam pada abad ke 15 dan 16. Sejarah ringkas mengenai Portugal dan Sepanyol sebelum abad ke 15 juga diulas, serta diikuti oleh huraian kepada faktor kenapa Portugis mendahului Sepanyol dalam penjajahan. Di antaranya ialah pembebasan Portugis dari pemerintahan Islam, pengalaman maritime dan perdagangan Portugis yang luas berbanding Sepanyol yang sedang mengalami kemelut politik dalaman pada ketika itu telah memisahkan kedua-dua kuasa ini dari muncul sebagai kuasa penjajah secara serentak. Penulis juga tidak ketinggalan menghuraikan sejarah kewujudan kerajaan-kerajaan utama di Nusantara seperti Langkasuka, Campa, Pasai, Melaka, Patani, Aceh, Demak, Makasar, Brunei dan Sulu. Ini mungkin bertujuan bagi menjelaskan lagi latarbelakang negara-negara yang terlibat secara langsung sebagai mangsa kepada penjajahan yang dilakukan oleh Portugis dan Sepanyol.

Perbincangan tentang penjajahan diperdalamkan lagi dalam Bab Dua, di mana penulis menghuraikan faktor-faktor awal kuasa-kuasa Barat menjajah timur. Bagi meluaskan maksud tajuk, penulis memulakan dengan sejarah awal penjelajahan dengan merujuk kepada sejarah 3000 tahun lampau yang berlaku di Greek, Mesir, Arab dan Cina serta zaman kegemilangan Islam. Ia diikuti dengan huraian mengenai sebab kedatangan kuasa Barat ke Timur pada abad ke 15 dan 16 yang melibatkan faktor galakan pelayaran daripada Putera Henry dan Raja Kristian untuk mencari Prester John, kesan Perang Salib (1096-1292), keperluan terhadap rempah, pengembaraan Marco Polo, Pelayaran Para Mubaligh, perkembangan kajian geografi zaman Renaissance, pengetahuan geografi zaman purba, keperluan terhadap emas, monopoli perniagaan di Venice, penghasilan alatan pelayaran dan pengembaraan orang Viking. Di samping itu, penjelasan perihal kesan penaklukan Constantinople oleh Uthmaniah dan persaingan menguasai wilayah khususnya di Asia Tenggara dibuat secara berasingan oleh penulis dalam sub topik lain memberi isyarat bahawa ia adalah merupakan suatu faktor utama dan mendesak kepada kebangkitan kuasa Barat. Justeru itu tidak hairan jika penulis berhujah untuk menolak faktor perdagangan sebagai faktor utama seperti keperluan mendapatkan rempah yang dianggapnya sebagai tidak menasabah dalam membangkitkan keghairahan Barat ke Timur.

Akhirnya ia diikuti oleh pernyataan beberapa pendapat yang menggambarkan bahawa sebab utama kedatangan Barat adalah di atas tuntutan faktor perdagangan. Di antara pendapat yang mewakili pandangan ini ialah nukilan buku teks bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SRP) yang menyatakan; "Orang Portugis yang sangat memerlukan rempah di Timur telah sampai ke sana", buku rujukan bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menjelaskan; Dalam abad kelima belas, negeri Melaka makmur kerana perniagaannya. Kemasyuran dan kemakmurannya ini juga telah didengar oleh penduduk-penduduk di Eropah. Oleh itu mereka menganggap Melaka sebagai gudang besar yang menjaga kegiatan lalu lintas.

Kemudiannya Melaka pula menjadi idaman mereka.” Buku rujukan bagi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia juga hanya mengaitkan Putera Henry dengan galakan beliau untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan perluasan perdagangan tanpa menjelaskan latarbelakang beliau sebagai tentera Salib yang sememangnya bermotifkan agama dalam menerokai Timur. Kekeliruan ini tidak seharusnya berlaku justeru buku-buku teks ini ditulis berdasarkan rujukan yang berautoriti. Kekaburan ini juga berlaku pada tingkat ilmiah yang lebih tinggi seperti pandangan Prof. Khoo Kay Kim yang menyatakan dalam syarahan Pensejarahan Malaysia sebagai; “Negara-negara Barat telah berjaya mencari jalan baharu ke dunia Timur menjelang kurun ke 16. salah satu daripada akibatnya ialah perluasan kuasa politik Eropah. Negara-negara Portugis dan Sepanyol mempelopori gerakan ini ke arah Timur. Tujuan utama ialah untuk mencari kekayaan material.” Walaupun di dalam buku lain, Prof. Khoo juga menyebutkan faktor agama sebagai salah satu tujuan kedatangan Portugis selain daripada penguasaan perdagangan Melaka, beliau gagal sebagai suatu yang matlamat utama. Menurut penulis, kekaburan mengenai agama sebagai faktor utama berbanding perdagangan ini terdapat dalam lain-lain pandangan sarjana seperti Muhd Yusuf Ibrahim, Abdullah Zakaria Ghazali, Ibrahim Syukri, Tan Sri Mubin Sheppard, Khasnor Johan, Haji Buyong Adil, Bahasa Othman, Tun Seri Lanang dan C.H. Philips. Pada pandangan penulis, para sarjana berkenaan cuba menonjolkan faktor perdagangan berbanding agama yang turut diakui sebagai faktor lain yang mendorong Barat menjajah Timur. Dalam ertikata lain, mereka bersikap apologetik dalam memperakui kedatangan Barat adalah berpunca daripada faktor agama yang membuahkan penjajahan samada dari sudut mental mahupun material. Ringkasnya, bab ini cuba membuktikan bahawa agamalah yang menumpukan api *penjajahan* bukan sekadar *penjelajahan* atau ekspedisi perdagangan yang lazimnya disebabkan oleh motif kekayaan atau faktor ekonomi semata-mata. Kekaburan sejarawan adalah dalam mengenalpasti *Awlawryyah* faktor utama atau awal yang bertanggungjawab menjana kedatangan Barat ke Timur sedangkan faktor perdagangan hanyalah merupakan *al-'Aridhah* (faktor mendatang) atau sampingan.

Bab ketiga pula membincangkan secara lanjut faktor penjajahan yang menyebabkan kedatangan kedua-dua kuasa Barat yang awal tersebut. Bab ini sangat penting kerana ia memberi ruang kepada penulis untuk menghujah bahawa agama adalah *the prime cause* yang menyebabkan Barat menjajah Alam Melayu. Perbahasan dilanjutkan oleh penulis dengan menumpukan huraian kepada Perjanjian Tordesillas dan Persetiaan Zaragossa. Perjanjian ini penting dalam mencatitkan perancangan penaklukan di antara Portugis dan Sepanyol secara sistematik. Ia menghindari perebutan kawasan takluk di samping mempereratkan kerjasama penaklukan di Timur. Hasilnya, Melaka terarah kepada penaklukan Portugis manakala Filipina pula bakal dikuasai Sepanyol. Walaupun terdapat pertikaian mengenai penguasaan sesuatu tempat seperti di Maluku, ia dapat diselesaikan berdasarkan semangat perjanjian dan setiakawan

di antara dua kuasa yang berkongsi matlamat yang sama iaitu menjajah dan menguasai Islam dan umatnya di Timur. Bagi meleraikan pandangan terhadap faktor kedatangan kuasa Barat yang bercampur-baur ini, penulis menyorot arahan Pope Romanus Pontifex bertarikh 8 Januari 1455 yang mendorong Putera Henry meneruskan misi Salibiyah. Pope dilapor mengarahkan; “Kepada Raja Portugal untuk menyerang, menawan dan menundukkan orang Saracens (Arab-Islam), bukan Kristian dan orang tak beragama yang memusuhi Jesus; untuk merampas harta benda mereka dan kawasan-kawasan mereka; untuk menjadikan mereka berkekalan sebagai hamba abdi dan memindah-milikkan harta benda mereka kepada Raja Portugal dan keturunannya.”(Halaman 115)

Misi balas dendam terhadap Islam dibuktikan secara praktik apabila Portugis berjaya menawan Goa pada 1510M. Dalam surat bertarikh 22 Disember 1510M, Alfonso D’ Albuquerque menyatakan bahawa beliau membunuh lebih enam ribu orang Islam manakala orang Hindu dilepaskan. Lanjutan niat jahat terhadap Islam juga dinyatakan secara jelas oleh Albuquerque kepada tentera beliau sebelum menyerang kota Melaka; “Pertama ialah perkhidmatan yang baik untuk kita persembahkan kepada Tuhan dengan menghalau orang Islam dari negeri ini dan menghalang pengaruh golongan Muhammad daripada berkembang.” (Halaman 120) Penulis juga memperkukuhkan hujah ini dengan merujuk kepada pendapat sarjana Barat iaitu Richard Allen yang menyatakan bahawa Portugis mempengaruhi penduduk tempatan di Melaka agar menerima agama Kristian di samping hasrat untuk menguasai perdagangan lanjutan dari kejayaan penaklukan mereka di alam Melayu. Ia diperteguhkan lagi dengan pandangan J. Kennedy yang menyatakan bahawa Portugis menggunakan alasan ekonomi untuk mencapai cita-cita menyebarkan agama Kristian. Justeru penguasaan ekonomi dilihat sebagai pemangkin kepada faktor utama kedatangan misi penjajahan Barat iaitu agama.

Hal yang sama juga dapat diteliti dari dorongan awal kedatangan Sepanyol di mana Ratu Isabella (1471-1504) dicatatkan berwasiat; “Tujuan utama Negara kita adalah sentiasa untuk menukarkan agama penduduk-penduduk pulau-pulau Hindia dan Terra Firma kepada agama suci kita dan menghantar mereka biskop-biskop, mubaligh dan seorang terpelajar yang lain untuk mengajar, mendidik dan melatih mereka supaya bertata-tertib.” (Halaman 126) Sama seperti Portugis, Sepanyol juga telah bertindak kejam ke atas orang Islam di Filipina. Ini tidak menghairankan kerana ianya telah diizinkan oleh Raja Philip dalam suratnya kepada Legazpi yang tercacat; “Kami memberi kebenaran kepada kamu untuk menjadikan orang Moro sebagai hamba dan merampas tanah mereka. Kamu diberi amaran bahawa hanya boleh menjadikan mereka hamba jika mereka menjadi Moro (pemeluk Islam) kerana kelahiran atau pilihan mereka sendiri.” (Halaman 129) Oleh itu tidak hairanlah jika umat Islam di Filipina di halang dari menyebarkan agama Islam, yang jelas tergambar dari amaran Kapten Esteban Rodriguez de Figueroa dalam suratnya kepada pemimpin Sulu dan Mindanao iaitu; “...sebarang kemasukan penyeru-penyeru doktrin Muhammad

hendaklah dihalang kerana ia jahat dan palsu, yang baik hanyalah agama Kristian sahaja.” (Halaman 129) Legasi kedatangan Sepanyol didominasi oleh faktor agama ini diakui oleh sarjana Kristian seperti Rafael Palma yang merujuk penjajahan Sepanyol adalah bertujuan untuk menukarkan agama penduduknya kepada Kristian. Misi Kristian ini disokong oleh sarjana lain seperti William Roscher, Kailash K. Beri dan B.V. Rao.

Dalam bab ini juga, penulis menghimbau dengan memperincikan fakta kejatuhan Constantinople kepada Othmaniyah yang dilihat sebagai bertanggungjawab kepada keghairahan penaklukan Portugis dan Sepanyol di Timur. Akhirnya huraian terhadap kesan akibat penjajahan kedua kuasa ini dsentuh secara ringkas oleh penulis dengan memperlihatkan peningkatan jumlah mendadak penduduk Asia Tenggara memeluk agama Kristian. Sebelum kedatangan penjajah, agama terbesar di rantau ini adalah Islam dan diikuti oleh Buddha, Hindu serta animisme. Tetapi ia telah berubah apabila mereka berjaya mengkristiankan hampir 90% penduduk Filipina dan menumbuhkan kelompok minoriti Kristian di Malaysia dan Indonesia. Pengaruh penjajah juga dapat dilihat dalam pelbagai aspek penting seperti ekonomi, sosial dan politik yang secara langsung melambangkan penguasaan Barat dalam kehidupan masyarakat umat Islam yang dahulunya begitu asing kepada mereka.

Akhirnya, penulis merumuskan penemuannya dengan baik dalam Penutup buku ini dengan secara berterus-terang mendapati bahawa kebanyakan tulisan-tulisan sarjana tentang sejarah samada di peringkat menengah atau tinggi gagal menonjolkan agama adalah faktor utama yang membawa kepada penjajahan Barat ke Alam Melayu. Kesimpulannya, penulis tidak menolak bahawa faktor lain juga adalah penting, tetapi faktor agama adalah mengatasi segala-galanya. Justeru itu ia perlu ditegaskan kembali dalam penulisan sejarah negara ini. Bagi menjelaskan perbincangan buku ini, penulis turut melampirkan transkrip perjanjian Tordesillas (1498) serta beberapa keping gambar astrolab, kapal Vasco Da Gama dan senarai Portugis, kerajaan Nasriyyah dan Umayyah di Andalus kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara.

Secara umumnya, buku ini tidak mempunyai apa-apa kecacatan kecuali beberapa kesilapan kecil dalam ejaan yang tidak menjejaskan kelancaran justeru penggunaan bahasanya yang baik dan jelas. Walau bagaimanapun dari sudut penyusunan, buku ini secara asasnya perlu mengambilkira atur susun sub topik yang jelas menunjukkan perbincangan yang dibawa. Sebagai contoh, Bab 2 dan 3 tidak mempunyai sub topik pengenalan seperti yang dilakukan dalam Bab 1. Ketiadaan sub topik ini boleh mengganggu sedikit rentak haluan perbincangan yang ingin disampaikan oleh penulis. Tajuk bab-bab yang dipilih mestilah menggambarkan keseluruhan perbincangan, tanpa perlu disertakan dengan isu-isu lain. Contohnya, Bab 1 yang mengemukakan tajuk Etimologi dan Kerajaan-kerajaan Era Penjajahan tidak begitu mendalam etimologi dan sejarah penjajahan. Sebaliknya sejarah penjelajahan dimuatkan di awal Bab 2 yang bertajuk Faktor awal kuasa-kuasa Barat Menjelajah ke Timur. Manakala

faktor-faktor yang menyebabkan Portugis mendahului Sepanyol yang seharusnya dimuatkan dalam Bab 2 atau 3 mengganggu kelancaran perbincangan tajuk Bab 1. Bab 1 harus menumpukan persoalan membezakan di antara penjajahan dan penjelajahan serta isu apakah Islam juga menjajah dalam usaha mengembang Islam. Oleh itu etimologi yang tepat samada menurut pandangan Barat atau Islam harus dihuraikan dengan jelas dan mampu nantinya bertindak sebagai instrumen analisis bagi persoalan yang berbangkit.

Tajuk Bab 2 juga perlu diberikan perhatian kerana mungkin terdapat kekeliruan di antara Penjajahan dan penjelajahan. Apakah faktor awal mereka ke Timur hanya boleh dikaitkan dengan penjelajahan atau penjajahan. Jika penjelajahan bermakna penjajahan, ia tidak menimbulkan masalah. Sememangnya dalam Kamus Dewan, ia boleh membawa maksud yang sama, tetapi makna yang lazim dipakai ialah pergi berjalan ke merata tempat. Tetapi jika sebaliknya, isu yang bakal timbul ialah faktor agama yang didakwa sebagai faktor utama yang mendorong Barat ke Timur hanyalah menjadi pemangkin kepada suatu penjelajahan yang agak longgar dari kekuatan roh dan makna penaklukan itu. Ia seolah-olah hanya lawatan ke merata-rata tempat tanpa mempunyai satu matlamat yang kuat dan jelas seperti penjajahan yang sememangnya membawa makna penaklukan dan penguasaan ke atas negara-negara yang lemah. Ketepatan penggunaan istilah penjelajahan dan penjajahan ini sewajarnya diselesaikan di Bab 1 ketika membincangkan etimologi, sebelum dijadikan tajuk kepada bab seterusnya. Namun, pengulas yakin bahawa pembaca memahami bahawa bab 2 adalah merujuk kepada sebab-sebab yang membawa kepada penjelajahan awal Barat ke Timur yang pastinya mempunyai misi penjajahan tersendiri, manakala bab 3 pula adalah perbincangan mengenai penjajahan secara terfokus.

Bagi memantapkan kelancaran Bab 2, pandangan para sarjana yang didakwa hanya memberi keutamaan kepada faktor perdagangan dan sebagainya harus ditonjolkan terlebih dahulu, sebelum penulis menumpukan hujah untuk menolaknya. Adalah lebih jelas sekiranya, penulis dapat menemukan pandangan yang menolak agama sebagai suatu faktor atau sebab utama kedatangan Barat ke Timur. Jika ini dapat dilakukan bab ini berjaya mengemukakan suatu landasan atau framework yang baik dan jelas bagi menolak pandangan-pandangan yang menolak atau mengesampingkan agama sebagai faktor kedatangan Barat. Apa yang dilakukan oleh penulis iaitu dengan hanya menukikan pandangan yang berbeza dengan apa yang dihuraikan sebelum itu kurang menonjolkan pendekatan kritis penulis dalam menggarap isu ini, lebih-lebih lagi beliau begitu bersemangat untuk mencabar teori-teori kedatangan Barat seperti yang telah diperkukuhkan oleh sarjana-sarjana tersohor itu.

Bab 3 berjaya menonjolkan proses penjajahan Portugis dan Sepanyol di samping kesan-kesan yang wujud akibatnya. Namun, walaupun di akui bahawa fakta perebutan kuasa Kristian adalah akibat dari "penjajahan" Constantinople oleh Othmaniyah, ia harus dibincangkan di bab awal bagi menguatkan hujah

bahawa kedatangan Barat ke Timur adalah didorong dari cubaan membalas dendam kepada Islam. Di samping itu, penulis berkesempatan untuk membezakan apakah tindakan Othmaniyyah itu sebagai suatu penjajahan atau penjelajahan atau hanya melihatnya daripada perspektif Islam semata-mata? Jika perspektif Islam yang digunakan, apakah ianya tidak menunjukkan sikap bias penulis yang berusaha menonjolkan sikap paranoid Islam terhadap Barat? Ia perlu diperjelaskan bagi mencapai suatu kajian yang objektif dan jelas. Ini dapat dicapai sekiranya penulis mempunyai gagasan objektif yang jelas dalam Pengenalan yang mengawali setiap bab yang terlibat.

Prof. Madya Dr. Badlihsam Mohd Nasir  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan

